

Rakyat Kelantan diancam banjir besar

GUA MUSANG 10 Okt. - Penerokaan hutan secara tidak terkawal dan berterusan di kawasan Hulu Kelantan menyebabkan rakyat negeri ini diancam banjir besar pada musim tengkujuh setiap tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, tindakan Kerajaan Pas Kelantan memberikan tanah untuk membangunkan ladang hanya menguntungkan sebelah pihak sahaja.

Beliau berkata, semua pihak harus memantau keadaan itu kerana kepupusan hutan akan menyebabkan tiada daya penahanan sehingga air bergerak mengalir laju, seterusnya banjir besar.

"Jika dah tak ada pokok, macam mana air hendak menyerap ke dalam bumi dan mesti akan terus mengalir ke sungai dengan kuat serta laju.

"Soal teroka tanah itu secara haram atau tidak adalah tidak timbul, tetapi yang menimbulkan masalah adalah keluasan tanah yang dibuka untuk tujuan itu sehingga berlaku kepupusan hutan untuk menahan air.

"Ladang getah atau sawit memberi keuntungan kepada pihak pengusaha ladang itu sahaja, tetapi yang menerima akibat daripada kejadian banjir adalah rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan

Prapelancaran Bulan Kesiapsiagaan Nasional, di sini hari ini.

Yang turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Operasi Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Zainal Azman Abu Seman; Ketua Jajahan Gua Musang, Tuan Zainal Abidin Tuan Yusuf; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paloh, Datuk Nozula Mat Diah; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Galas, Ab. Aziz Yusof dan ADUN Nenggiri, Datuk Mat Yusoff Ab. Ghani.

Shahidan berkata, pihaknya bersedia membantu memulihkan kawasan tanah yang diteroka kerana mempunyai ramai anggota daripada pelbagai agensi yang mempunyai kepakaran dalam bidang tersebut.

"Kita boleh menanam semula pokok hutan di kawasan bukit yang digondol itu bagi menyelamatkan rakyat daripada terus berdepan risiko kejadian banjir besar," katanya.

Sementara itu katanya, NADMA Malaysia telah melakukan persiapan rapi bagi menghadapi banjir besar sekiranya berlaku pada tahun ini agar kesannya tidak serius.

"Kita mengutamakan pangkalan hadapan kerana bekalan makanan akan dihantar ke situ. Kita menyerahkan tugas kepada Ketua Jajahan untuk menentukan di mana tempat kita akan hantar kepadanya," katanya.